

DI-TERBITKAN

DUA KALI

SA-BULAN

PELITA BRUNEI

AKHBAR RASMI

KERAJAAN

NEGERI BRUNEI

PADA HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA

TAHUN 5. BIL. 3

BANDAR BRUNEI, RABU, 3 FEBRUARY, 1960 (6 Sha'aban, 1379)

PERCHUMA

D. Y. M. M. BERANGKAT KA-MALAYA

*Akan hadhir dalam istiadat
kemahkotaan Sultan Johor*

BANDAR BRUNEI — Duli Yang Maha Mulia ada-lah di-jadualkan berangkat ka-Malaya dalam minggu hadapan kerana menghadhiri istiadat kemahkotaan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor, Sir Ismail dan Duli Yang Maha Mulia Sultanah Johor, Ungku Tun Aminah.

Baginda di-jangka akan berada di-Johor Baharu, ibu kota Negeri Johor, sa-lama dua hari dan akan berangkat balek ka-Brunei dengan kapal terbang sa-lepas istiadat kemahkotaan itu selesai.

Baginda akan di-iringi oleh juruiring, Yang Amat Mulia Pengiran Haji Ismail dan Setiausaha Sulit, Dato Paduka Mohamed Abbas.

Persediaan2 sedang di-jalankan di-Negeri Johor untuk menyambut hari kemahkotaan Duli Yang Maha Mulia Sultan Sir Ismail dan Sultanah Johor, Ungku Tun Aminah.

Kerajaan Negeri telah menguntukkan wang sa-banyak \$150,000 kerana perayaan ini yang di-jangka akan tamat pada hujung bulan February.

Bagi julong2 kali-nya istiadat kemahkotaan ini akan di-telivision

ROMBONGAN HAJI DARI BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Rombongan haji yang pertama dari Bandar Brunei bagi tahun ini ada-lah di-jadualkan berlepas ka-Labuan pada pagi 8 February dari tambatan Kastam Brunei.

Dari Labuan mereka itu akan menaiki kapal Marudu ka-Singapura.

Rombongan pertama itu mengandungi 11 orang laki2 dan perempuan.

Semua-nya 42 orang laki2 dan perempuan telah mendaftarkan nama untuk menunaikan fardu haji tahun ini.

Tarikh pelayaran bakal2 haji yang lain itu akan di-umumkan kelak.

Dalam tahun lepas lebih 120 orang Islam Brunei telah menunaikan fardu haji. Mereka itu berlayar ka-Jedah dalam tiga rombongan.

dari Istana Besar, ia-itu tempat kemahkotaan di-langsungkan.

Hanya Raja2 Melayu dari Negeri2 Persekutuan dan Brunei, ahli2 diplomat dan keluarga Diraja sahaja akan menyaksikan istiadat kemahkotaan tersebut.

Istiadat kemahkotaan yang ak-



D. Y. M. M.

hir sa-kali di-Johor telah di-langsungkan dalam bulan November, 1895, apabila Almerhum Sultan Ibrahim di-mahkotakan.

2 PEGAWAI SHELL MATI LEMAS DI-SUNGAI BARAM, SARAWAK

KUALA BELAIT. — Dua orang pegawai pengorek sharikat minyak Sarawak Shell telah mati lemas di-Sungai Baram baharu2 ini. Mayat mereka telah di-bawa ka-Kuala Belait dan di-kebumihkan.

Pegawai2 yang malang itu ia-lah Tuan A. L. Drysdale berumur 29 tahun dan Tuan J.S. Miles berumur 27 tahun.

Satu siaran akhbar sharikat minyak Brunei Shell berkata bahawa Tuan Drysdale telah jatuh ka-dalam sungai dari sa-buah kapal L.C.T. yang di-gunakan sa-bagai rumah-nya dekat tempat mengorek.

Tuan Miles di-perchayai telah

mati lemas ketika menolong menchari Tuan Drysdale.

Siaran itu berkata lagi bahawa Tuan Drysdale ia-lah sa-orang yang pandai berenang tetapi Tuan Miles di-ketahui tidak pandai berenang.

Hakim Besar baharu mengadap Duli Yang Maha Mulia

BANDAR BRUNEI. — Hakim Besar baharu bagi kawasan2 British Borneo, Sir John Ainley, telah sampai di-Brunei pada hari Ahad lepas dari Kuching.

Sir John telah di-sambut di-lapangan terbang oleh Pesuruh Jaya Polis Brunei, Tuan A. N. Outram.

Pada hari Ithnin beliau telah mengadap Duli Yang Maha Mulia di-Istana Darul Hana.

Satu barisan kehormatan telah di-adakan oleh satu pasukan Polis Brunei di-hadapan bangunan Pejabat2 Kerajaan di-Bandar Brunei pada pagi itu.

Sir John telah di-lantek menggantikan Hakim Besar, Sir

Ernest Williams yang telah bersara itu.

Sa-belum datang ka-Borneo Sir John telah berkhidmat di-Uganda dan Nigeria sa-bagai hakim besar bagi kawasan timor negeri itu.

Sir John akan terbang ka-Jesselson hari ini dan sa-lepas itu balek ka-Kuching.

Peratoran memakai tiang bendera2

BANDAR BRUNEI. — Majlis Adat Istiadat Brunei telah mengambil keputusan baharu2 ini berkenaan dengan memakai tiang bendera2 di-kereta.

Keputusan itu ada-lah seperti berikut.

Bendera Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri di-tempatkan di-atap di-tengah2 sa-belah charok.

Bendera Yang Terutama Tuan Pesuruh Jaya Tinggi di-tengah2 sa-belah charok atas bonnet. Demikian juga bendera2 Yang Teramat Mulia Duli2 Wazir, Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Yang Amat Mulia Cheteria2.

Pelin2 dan orang2 lain di-tetapkan bendera-nya di-mudguard di-sabelah kiri.

PERTUNJOKAN KEBOLEHAN CARIBOU

BANDAR BRUNEI. — Sa-buah kapal terbang penumpang dua jentera jenis Caribou buatan Canada telah sampai di-lapangan terbang Berakas pada hari Sabtu lepas untuk menunjukkan kebolehan-nya.

Beberapa orang ketua2 pejabat, saudagar2 dan pembesar negeri telah di-undang oleh wakil sharikat Havilland Aircraft di-sini menaiki kapal terbang tersebut.

Kapal terbang itu di-bena untuk membawa 32 orang penumpang.

Ia-nya di-katakan baik untuk di-gunakan di-kawasan2 yang belum mempunyai lapangan2 terbang yang tidak panjang pelanchar-nya.

Kapal terbang Caribou itu boleh membawa muatan sa-banyak 6,000 paun sa-jauh 600 batu dan 7,300 paun sa-jauh 200 batu.

Lajak penerbangan biasa-nya ia-lah 180 batu dalam satu jam.

Pinjaman \$20,000 kapada pengakap

BANDAR BRUNEI. — Kerajaan Brunei telah menawarkan pinjaman wang sa-banyak \$20,000 kapada Majlis Pengakap Negeri Brunei untuk meninggikan darjah pengakap di-negeri ini.

Tawaran itu telah di-umumkan oleh setiausaha Majlis Pengakap Brunei, Tuan R.D. Ross, dalam satu meshuarat yang di-adakan di-sini pada hari Ahad lepas.

Sharat2 pinjaman itu ia-lah wang itu boleh di-gunakan untuk membena sa-buah pusat pertad-

biran pengakap atau melengkapkan kawasan perkhemahan pengakap di-Jerudong.

"Tidak ada kemungkinan yang itu di-beri dengan perchuma," kata Tuan Ross.

Tawaran pinjaman itu telah di-terima oleh Majlis Pengakap Negeri Brunei. Majlis itu sekarang membincangkan chara2 hendak menjadikan kawasan perkhemahan Jerudong satu tempat yang sesuai untuk pengakap2 negeri2 Borneo British mengadakan jambori.

Kerana tujuan ini beberapa buah pondok2 kecil mungkin di-dirikan di-Jerudong dan kawasan perkhemahan itu di-pagar.

Sa-lain dari itu majlis itu telah mengambil keputusan bahawa ia tidak akan menghantar pengakap2 Brunei menghadiri jambori pengakap seluruh dunia yang akan datang.

Jambori itu di-jadualkan untuk di-adakan di-Australia dalam bulan December 1960 dan January 1961.

Perempuan dan laki2 bersama di- maktab

BERAKAS. — Sa-ramai delapan orang guru2 pelatoh perempuan telah masuk ka-Maktab Latehan Guru2 Melayu Brunei di-sini pada awal bulan ini.

Kumpulan ini ia-lah bagi kali pertama-nya maktab itu menerima guru2 pelatoh perempuan.

Guru2 itu telah di-pileh dari seluruh negeri.

Mereka akan menghadiri kursus perguruan di-maktab tersebut sa-lama tiga tahun bersama dengan guru2 pelatoh laki2.

Sa-hingga ini guru2 pelatoh perempuan ada-lah di-hantar untuk mendapat latehan perguruan di-Kent College, Jesselton dan juga di-Melaka, Malaya.

Ada kemungkinan langkah itu akan di-berhentikan sa-kira-nya latehan yang di-dapati dari Maktab Latehan Guru2 Melayu Brunei sendiri itu memuaskan.

CHEGAHAN MENJALA DI-LONDANG MESJID OMAR ALI SAIFUDDIN

BANDAR BRUNEI. — Chegahan ka-atas nelayan2 menjala ikan di-kolam ayer di-keiling Mesjid Omar Ali Saifuddin adalah di-umumkan oleh Pejabat Ugama Brunei.

Siaran yang menegah nelayan2 menjala di-alongan itu berkata :

Orang2 yang menjala itu mendatangkan kekotoran pada tebing2 tembok alongan tersebut.

Pesuroh Jaya Tinggi balek

BANDAR BRUNEI. — Yang Terumata Pesuroh Jaya Tinggi Brunei, Tuan D.C. White telah balek ka-Brunei dari Singapura pada hari Ithnin, 25 January.

Tuan White telah berada di-Singapura sa-lama sa-minggu kerana mengahdiri satu persidangan diplomat2 British dan ketua2 tentera di-Tenggara Asia.

Pemilehan penuntut2 ka-sekolah Arab Alijunid di-Singapura

BANDAR BRUNEI. — Lima orang penuntut mungkin di-hantar ka-Singapura dalam tahun ini untuk belajar di-sekolah Arab Alijunid Singapura. Penuntut2 itu akan berlepas dari Brunei sa-lepas Hari Raya Puasa.

Satu pengumuman Pejabat Ugama Brunei berkata bahawa peperiksaan untuk menguji kelayakan penuntut2 itu memasuki sekolah Arab Alijunid.

Orang ramai ada-lah di-minta bekerja sama bagi menjaga kebersihan mesjid yang selalu di-lawati oleh pelawat2 dari lain2 tempat.

Kanak2 ada-lah juga di-larang bermain bola di-pekarangan masjid.

Siaran itu berakhir dengan melarang orang2 menunggang basikal di-pekarangan mesjid dengan alasan kalau2 tayar basikal itu membawa benda2 yang kotor.

Akibat melawat di-malam hari

JERUDONG. — Sa-orang China yang menchuba hendak berjumpa dengan sa-orang yang di-tahan di-penjara itu baharu2 ini telah di-tangkap oleh warder2 penjara tersebut.

Orang China itu datang pada malam hari.

TETAMU MAJLIS ISRA'



Sa-bahagian ruangan dewan SOAS College telah di-penuhi oleh murid2 SOAS. Mereka itu datang mendengar sharahan dan peraduan membacha Koran kerana menyambut isra' dan mi'raj.

MURID2 BERGABONG MENGADAKAN MAJLIS ISRA' DAN MI'RAJ

BANDAR BRUNEI. — Murid2 Islam dari sekolah2 Melayu dan Inggeris di-Bandar Brunei telah mengadakan sambutan isra' dan mi'raj di-dewan maktab SOAS College di-sini pada 25 January lepas.

Murid2 itu telah mengadakan peraduan membacha Koran dan sharahan2 yang bertajokan keugamaan.

Majlis itu telah di-hadiri oleh beberapa orang pembesar negeri termasuk Yang di-Muliakan Pehin Orangkaya di-Gadong Haji Mohamed Yusof.

Sharahan tentang isra' dan mi'raj telah di-berikan oleh guru ugama SOAS College, Inche Yusof bin Ismail.

Majlis telah di-buka oleh pengrusi, Abdul Latif bin Abdul Hamid, sa-orang murid SOAS College.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Pehin Orang Kaya di-Gadong.

Pemenang2 sharahan bahagian laki2: Ak. Ibrahim bin Pengiran Ismail (1), Abdul Wahab bin Md. Said (2) dan Shari bin M. Salleh (3).

Bahagian perempuan: Siti Hajar binti Md. Yusof (1), Zaharah binti Md. Taha (2) dan Zakiah binti Hj. Mohd. Yusof (3).

Pemenang2 peraduan bachean Koran bahagian laki2: Abdul Wahab bin Md. Said (1), Ali Akbar bin Abu Bakar (2) dan Abdul Wahab bin Tuan Imam Hj. Kassim (3).

Bahagian perempuan: Siti binti Yusof (1), Asmah binti Omar (2) dan Halimah binti Ya'akub (3).

Hadiah2 sagu hati telah juga di-beri kapada tiga orang laki2 dan tiga orang murid perempuan dalam tiap2 bahagian.

ORANG ISLAM MUNGKIN DI-HUKUM KERANA TA' DATANG KA-MESJID

BANDAR BRUNEI. — Kadhi Besar Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar, telah mengingatkan pegawai2 Kerajaan yang beragama Islam supaya menunikan sembahyang Juma'at tiap2 hari Juma'at.

Dalam satu siaran Yang Amat Mulia itu menegaskan bahawa kebanyakan pegawai2 kerajaan yang beragama Islam tidak datang ka-mesjid.

Siaran itu ada-lah juga di-tujuan kapada orang2 kampung.

Ketua2 kampung ada-lah di-

minta supaya menasihatkan anak2 buah mereka datang bersembahyang Juma'at tiap2 hari Juma'at.

Orang2 Islam yang tidak menunaikan sembahyang Juma'at itu boleh di-kenakan hukuman mengikut section 170 dalam Undang2 bilangan 20 tahun 1955.

ISRA' MI'RAJ IA-LAH SA'AT MULA2 MENDAPAT PERBEKALAN ROHANI

DALAM minggu lepas umat Islam seluruh dunia telah menyambut isra' dan mi'raj ia-itu satu kejadian yang banyak mengandong pelajaran dan i'tibar.

Isra' dan mi'raj ia-lah juga permulaan umat Islam mendapat bekal suchi untuk perbekalan rohani ia-itu perintah sembahyang lima kali sa-hari sa-malam.

Saperti di-lain2 tempat umat Islam Brunei telah menyambut isra' dan mi'raj dan di-bawah ini ia-lah sedikit sa-banyak pendapat tentang isra' dan mi'raj.

Ketika Nabi Musa menerima tugas menjadi pesuruh Allah untuk menentang dan menghadapi pemerintahan Kerajaan Fir'aun yang keiam itu beliau telah mengadakan kesulitan-nya kepada Tuhan.

Musa telah menyembahkan bahawa beliau ia-lah sa-orang yang di-buru dan di-chari oleh kaki tangan Kerajaan Fir'aun kerana Fir'aun mengetahui bahawa beliau ia-lah pemimpin umat bani Israil yang sentiasa menentang kezaliman Fir'aun.

Untuk meneguhkan hati Musa, Tuhan telah memperlihatkan kapada-nya satu tanda yang besar ia-itu mu'jizat bahawa tongkat-nya boleh menjadi ular.

Musa telah mendapat perlengkapan rohani yang sempurna dari mempersaksikan bukti kekuasaan Tuhan yang tidak terbatas itu.

Dari sa'at itu hilanglah sangka-nya untuk maju menyampaikan seruan-nya walau pun yang di-hadapi-nya itu kelihatan betul2 berkuasa berbuat suka-nya.

Dalam hubungan ini-lah kita hendak meninjau kejadian isra' dan mi'raj, ia-itu satu kejadian yang peting sa-kali dalam perjuangan Nabi Muhammad s.a.w. menegakkan kebenaran Allah dengan mengalami berbagai2 kesulitan.

Bermacam2 pendapat tentang tahun terjadi-nya isra' dan mi'raj.

Tetapi menurut keterangan yang boleh di-tanggong jawabkan peristiwa itu berlaku sa-sudah beliau mengalami kejadian2 yang mengharukan hati beliau.

Isra' dan mi'raj telah berlaku sa-sudah meninggal Abu Thalib, wafat Khadijah, isteri Nabi dan pengusiran Nabi dari Taif.

Kejadian2 itu berturut2 ibarat pukulan bertubi2 menimpa Muhammad.

Abu Thalib sangat di-segani oleh musuh2 Nabi kerana kebangsawaan dan pengaruh-nya. Beliau telah melindungi Nabi dari ancaman bangsa-nya. Yang demikian kematian Abu Thalib dapat-lah di-ertikan bahawa Nabi telah kehilangan satu perisai perlindungan.

Dengan kematian Abu Thalib juga terbuka-lah peluang bagi

kaum Quarish menentang dan mengganggu Muhammad.

Kira2 tiga bulan sa-sudah itu wafat pula isteri-nya yang pertama. Khadijah yang sentiasa di-samping Nabi dalam gelombang perhubungan2 yang berat itu telah mengorbankan kekayaan-nya kerana keperluan perjuangan Nabi.

Tidak-lah hairan kalau tahun ini terkenal dalam sejarah sebagai tahun dukachita kerana dalam tahun itu-lah beliau kehilangan perisai yang tegoh dan pelita yang sa-lama ini menyinari hati Nabi.

Pada masa itu Negeri Mekah tidak aman bagi diri Muhammad. Orang2 telah bertambah berani mengganggu beliau. Pembelaan hampir2 tidak ada sama sa-kali.

Oleh kerana pintu Mekah sudah tertutup dari kebenaran yang di-bawa-nya, beliau menchuba pula mengajak penduduk2 Taif menerima seruan-nya dengan harapan jika bumi Mekah bukan-nya tanah yang subur untuk seruan itu barangkali bumi Taif boleh di-jadikan tempat bertanam.

Harapan itu tidak berhasil. Beliau telah di-usir dengan kasar dan keji dari bumi Taif.

Atas kekechiwaan itu Muhammad hanya berkata:

"Ya, Tuhan-ku, kapada Mu juga aku mengadakan kelemahan-ku. Sadikit-nya daya dan rengan-nya pandangan orang kapada-ku. Engkau-lah yang amat pengaseh, Engkau pengasoh orang2 yang tertindas. Engkau Tuhan-ku."

"Kapada siapa gerangan aku dapat menyerahkan diri-ku? Apa-kah akan di-serahkan kapada orang yang mengusir-ku atau kapada musuh yang sa-lama ini berkuasa atas diri-ku? Namun bagitu, aku pun tidak hiraukan semua-nya itu asal sahaja Engkau sendiri tidak murka kapada-ku."

Kita sakalian tentu-lah mudah

mengira2kan betapa sesak-nya fikiran dan perasaan orang yang menderita yang ta' putus2 dan segala muslihat dan daya upayanya telah tertumpok pada jalan buntu, sedang tuboh sendiri di-ancham musoh dari segala penjurur.

Pada sa'at itu-lah Nabi di-panggil di-hadzat Allah yang terkenal dengan Isra' dan Mi'raj. Hakikat perjalanan istimewa itu sudah di-jelaskan Tuhan dalam Al-Koran.

Memperlihatkan hukti2 kekuasaan Allah dengan rupa yang jelas ini-lah hakikat peristiwa Isra' dan Mi'raj. Jika kapada Nabi Musa di-perlihatkan ayat Tuhan yang besar waktu mula2 menerima tugas-nya, maka kapada Nabi Muhammad ayat yang besar itu di-perlihatkan pada masa yang sangat genting.

Beliau melihat apa yang tidak pernah di-lihat-nya, mendengar apa yang ta' pernah di-dengar-nya; kekuasaan Tuhan yang tidak terbatas yang tadi-nya hanya dapat di-chapai oleh kekuatan fikiran.

Pada malam isra' dan mi'raj itu semua-nya ini dapat di-lihat oleh Muhammad dengan mata kepala-nya sendiri.

Peristiwa isra' dan mi'raj adalah ujian terakhir bagi gulungan pengikut Nabi Muhammad. Mereka itu menyakini kebenaran Nabi dan tidak bergonchang mendengar berita isra' dan mi'raj.


(Lihat muka 6)



Sa-orang murid dari Sekolah RIF, sedang membacha koran.



Sa-orang penuntut dari SOAS College sedang bersaharah.



Yang di-Muliakan Pehin Orang Kaya Di-gadong telah menyampaikan hadiah2 kapada murid2 yang berjaya.



Para tetemu yang menghadiri sambutan isra' dan mi'raj yang telah di-adakan oleh murid2 Islam dari Sekolah2 Melayu dan Inggeris Bandar Brunei bergambar ramai dengan penuntut2 di-hadapan dewan SOAS College.

PERLEMBAGAAN NEGERI BRUNEI

SA-PENOH-NYA

Dalam keluaran hari ini Pelita Brunei memuatkan Bahagian VIII mengenai soal kewangan. Syarat yang penting sekali dalam bahagian ini ialah chukai dan lain2-nya hanya boleh di-kenakan di-bawah kuasa undang2.

Perlembagaan itu sa-terusnya berbunyi :

43. (1) Semua mas'alah2 yang di-shorkan supaya di-putuskan oleh Majlis Meshuarat Negeri hendaklah di-putuskan oleh kebanyakan ahli2 yang hadir dan mengundi.

(2) Jika Speaker di-lantek dengan surat perintah yang di-chap dengan Mohor Kerajaan daripada orang2 yang bukan ahli2 Majlis Meshuarat Negeri, dia tidak mempunyai undi asli tetapi dia mempunyai dan mesti menggunakan undi pemutus.

(3) Kalau Speaker tidak hadir, maka ahli yang mengesahkan majlis mempunyai undi asli dan jika bilangan undi atas sa-suatu mas'alah itu sama banyak-nya dia mempunyai dan mesti menggunakan undi pemutus.

44. (1) * Majlis Meshuarat Negeri sah juga meshuarat dan keputusannya sungguh pun ada kekosongan di-antara ahli2-nya, termasuk kekosongan yang tidak di-penuhi bila majlis itu mula2 di-tubuhkan atau di-tubuhkan sa-mula pada bila2 masa; dan mana2 pekerjaan di-dalam-nya sah, meski pun ada orang yang tiada berhak telah dudok dan mengundi dalam majlis itu atau pun mengambil bahagian di-dalam meshuarat-nya.

(2) Jika pada mana2 meshuarat Majlis Meshuarat Negeri sa-barang ahli yang hadir menarek perhatian orang yang mengesahkan majlis itu bahawa kurang dari tujuh orang ahli yang hadir sa-lain daripada ahli yang mengesahkan majlis, dan sa-lepas masa rehat jika ada yang di-tetapkan oleh peratoran2 meshuarat, maka orang yang mengesahkan majlis itu puas hati bahawa bilangan ahli yang hadir ada-lah kurang dari yang tersebut, meshuarat itu mestilah di-tanggohkan.

45. (1) Rang undang2 tiada boleh menjadi undang2 melainkan jika Sultan telah mengesahkan-nya dan telah menanda tangani-nya dan rang itu telah di-chap dengan Mohor Kerajaan sa-bagai tanda pengesahan Sultan.

(2) Undang2 yang telah di-sah oleh Sultan akan mula berjalan kuat kuasa-nya pada tarikh pengesahan itu atau jika di-sebutkan baik dalam undang2 itu atau pun undang2 lain (termasuk sa-barang undang2 yang berkuat kuasa pada permulaan bahagian ini) yang ia-nya akan mula berjalan kuat kuasa-nya pada tarikh yang lain, maka undang2 itu akan mula berjalan kuat kuasa-nya pada tarikh yang tersebut.

46. Semua undang2 akan di-gelarkan "Enactment" dan perkataan2 membentok-nya ia-lah "ada-lah di-perbuat oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan dengan nasihat dan persetujuan Majlis Meshuarat Negeri seperti yang berikut:—"

47. (1) Jika kerana muslihat keamanan umum, keperchayaan baik atau kerana pemerintahan yang baik bagi negeri ini, Sultan berfikir patut supaya mana2 rang undang2 yang di-kemukakan atau mana2 usul yang di-shorkan, di-dalam Majlis Meshuarat Negeri itu hendaklah berkuat kuasa jika majlis itu tiada meluluskan rang undang2 itu atau tida mengesahkan usul itu dalam masa dan dengan chara yang di-fikir menasabah dan patut oleh Sultan, maka Sultan boleh pada bila2 masa dengan tidak

menghiraukan perlembagaan ini atau mana2 peratoran2 meshuarat, mengishtiharkan bahawa rang undang2 atau usul itu mempunyai kuat kuasa sa-olah2 ia-nya telah di-luluskan atau di-sahkan oleh majlis itu, baik dalam bentok-nya sa-bagai yang telah di-kemukakan atau di-shorkan itu atau dengan pindaan2 yang di-fikir patut oleh Sultan yang mana telah di-chadang atau di-shorkan dalam Majlis Meshuarat Negeri atau dalam mana2 jawatan kuasa bagi-nya; dan rang undang2 atau usul itu akan di-anggapkan telah di-lulus atau di-sahkan; dan perlembagaan ini, dan khas-nya bab 45 yang berkaitan dengan pengesahan kepada rang undang2 akan berkuat kuasa. Menteri Besar mestilah menyiarkan dalam Warta Kerajaan perishtiharan yang di-perbuat oleh Sultan itu serta dengan rang undang2 dan usul yang di-anggap telah di-lulus atau di-sahkan itu.

(2) Sa-barang perishtiharan yang saperti itu sa-lain daripada perishtiharan berkenaan dengan rang undang2, boleh-lah di-batalkan oleh Sultan; dan Jurutulis Majlis Meshuarat Negeri hendaklah menyiarkan pembatalan itu di-dalam Warta Kerajaan; dan bulai dari hari siaran itu, sa-barang usul yang di-sifatkan telah di-sahkan oleh perishtiharan yang telah di-batalkan itu tidak lagi mempunyai kuat kuasa; dan pemberhentian kuat kuasa itu ada-lah sama dengan pembatalan undang2 bertulis.

48. (1) Terta'alok kepada perlembagaan ini, maka boleh-lah Majlis Meshuarat Negeri dari satu masa ka-satu masa membuat, meminda membatalkan peratoran2 meshuarat untuk mengot dan menjalankan dengan sempurna-nya meshuarat2 mereka dan menyelesaikan pekerjaan2-nya dan untuk melulus, mengelar dan memberi bilangan kepada rang undang2 dan untuk di-persembahkan-nya kepada Sultan supaya di-sahkan oleh-nya; tetapi peratoran2 meshuarat itu dan pindaan atau pembatalan pada-nya, tiada berkuat kuasa melainkan jika telah di-perseetujui oleh Sultan.

(2) Peratoran2 meshuarat yang mula2 bagi Majlis Meshuarat Negeri hendaklah di-buat oleh Sultan dan boleh di-pinda atau di-batalkan oleh majlis itu di-bawah cherai-an (1).

(3) Peratoran2 meshuarat tiada boleh di-tahan kuat kuasa-nya melainkan dengan persetujuan Speaker, dan Speaker boleh bersetuju chuma jika dia berpuas hati bahawa mesti tertahan peratoran2 itu supaya elok dan tiada terganggu persidangan majlis itu.

49. Tiap2 ahli Majlis Meshuarat Negeri sa-belum mendudoki kerusi-nya, hendaklah mengangkat sumpah atau membuat pengakuan saperti yang tersebut dalam borang IV dalam jadual dan menanda tangani-nya di-hadapan Speaker atau ahli yang mengesahkan majlis:

Tetapi sa-saorang yang dahulu telah menjadi ahli Majlis Meshuarat Negeri kechuali ahli yang di-pileh, kalau dia menjadi ahli majlis itu sa-mula dalam masa sa-bulan sa-lepas tamat jawatan-nya yang dahulu di-dalam majlis itu, maka dia boleh melakukan kewajipan2 jawatan-nya dengan tidak payah mengangkat sumpah atau membuat pengakuan sa-mula dan menanda tangani-nya.

50. Sultan hendaklah melantek sa-orang yang baik dan layak menjadi Jurutulis Majlis Meshuarat

Negeri dan sa-belum memulakan kewajipan2 jawatan-nya itu hendaklah Jurutulis itu mengangkat sumpah atau membuat pengakuan saperti yang tersebut dalam burung V dalam jadual dan menanda tangani-nya di-hadapan Speaker atau ahli yang mengesahkan majlis.

51. (1) Butir2 meshuarat bagi tiap2 persidangan Majlis Meshuarat Negeri hendaklah di-simpan.

(2) Sa-berapa segra yang dapat salinan yang penoh bagi butir2 meshuarat tiap2 persidangan hendaklah di-sembahkan oleh Jurutulis majlis itu kepada Sultan.

52. (1) Hendaklah di-adakan musim permeshuaratan bagi Majlis Meshuarat Negeri sa-kurang2-nya sa-kali sa-tahun, tetapi jarak-nya antara persidangan yang akhir pada suatu musim itu dengan persidangan yang awal sa-kali pada musim yang berikut tiada boleh lebeh daripada 12 bulan.

(2) Tiap2 musim permeshuaratan bagi Majlis Meshuarat Negeri hendaklah di-adakan pada tempat dan hendaklah di-mulai pada masa yang di-tetapkan oleh Sultan dari satu masa ka-satu masa dengan kenyataan yang di-siarkan dalam Warta Kerajaan.

53. (1) Tiap2 ahli Majlis Meshuarat Negeri boleh menerangkan fikiran dengan bebas di-dalam Majlis Meshuarat Negeri tentang mana2 perkara yang di-hadapan majlis itu.

(2) Sah-nya mana2 meshuarat dalam Majlis Meshuarat Negeri atau mana2 jawatan kuasa-nya tidak boleh di-soal di-mana2 mahkamah pun.

(3) Tiada sa-orang pun boleh di-bicharakan di-hadapan mana2 mahkamah berkenaan dengan sa-barang apa yang di-katakan oleh-nya atau mana2 undi yang di-beri oleh-nya pada masa mengambil bahagian di-dalam mana2 meshuarat majlis itu atau mana2 jawatan kuasa-nya.

(4) Tiada sa-orang pun boleh di-bicharakan di-hadapan mana2 mahkamah berkenaan dengan apa2 yang di-siarkan dengan atau di-bawah perintah majlis itu.

54. Sultan ada-lah berhak memberi ucapan di-hadapan Majlis Meshuarat Negeri pada bila2 masa tentang mana2 perkara.

55. (1) Sultan boleh pada bila2 masa dengan pemashhoran di-siarkan dalam Warta Kerajaan menamatkan musim permeshuaratan bagi atau membubarkan Majlis Meshuarat Negeri.

(2) Sultan hendaklah membubarkan majlis itu apa bila genap tempoh tiga tahun dari tarikh ia-nya mula bermeshuarat sa-sudah ia-nya mula2 di-tubuh atau di-tubuhkan sa-mula pada bila2 masa, kechuali jika ia telah di-dubarkan terlebih dahulu.

56. Chukai atau चुक़ाई (rate) tidak boleh di-kenakan oleh atau bagi maksud2 negeri kechuali oleh atau di-bawah kuasa undang2.

57. Pembentok undang2 hendaklah dengan undang2 mengadakan satu peruntokan Diraja itu di-kenakan bayaran-nya kepada kumpulan wang yang di-satukan.

58. Semua hasil dan wang walau bagaimana sa-kali di-dapati atau di-terima oleh negeri sama ada di-dalam atau di-luar negeri hendaklah terta'alok kepada perlembagaan ini dan kepada undang2 bertulis, di-masokkan ka-dalam dan di-jadikan satu wang fund yang di-gelar

"kumpulan wang yang di-satukan".

59. (1) Sa-lain dari mana2 pengurniaan gaji atau lain2 yang di-kenakan oleh perlembagaan ini atau oleh mana2 undang2 bertulis, yang berikut hendaklah juga di-kenakan bayaran-nya kepada kumpulan wang yang di-satukan:—

(a) Harga2, bayaran2 dan perbelanjaan2, kechuali gaji2 ahli2 yang di-kenakan atau di-terima oleh negeri;

(b) Semua penchen, ganti rugi kerana kehilangan jawatan dan bakis2 yang mesti di-bayar oleh negeri;

(c) Semua bayaran hutang yang mesti di-bayar oleh negeri;

(d) Mana2 wang yang di-hukumkan oleh mahkamah atau jemaa mesti di-bayar oleh negeri;

(e) Mana2 wang yang di-kehendaki untuk menyelesaikan sa-barang tanggungan terhadap Pesuruhjaya Tinggi, kaki tangan-nya, pejabat-nya dan rumah-nya yang terbit dari mana2 perjanjian yang di-buat oleh Sultan dengan kerajaan Seri Baginda Queen bagi United Kingdom.

(2) Bagi maksud2 bab ini di-dalam perkataan "bayaran2 hutang" ada-lah termasuk wang faedah bunga, bayaran2 sinking fund (sinking Fund), pembayaran balek atau menghapuskan hutang dan semua perbelanjaan yang berkaitan dengan mendapatkan wang2 pinjaman di-atas jaminan dari kumpulan wang yang di-satukan dan berkaitan dengan belanja serta menebus hutang yang di-sebabkan oleh pinjaman itu.

60. (1) Sultan dalam majlis meshuarat hendaklah, berhubung dengan tiap2 tahun kewangan menyebabkan supaya di-bentangkan di-hadapan Majlis Meshuarat Negeri suatu kenyataan menyatakan wang yang di-anggarkan akan di-terima dan wang yang di-anggarkan hendak di-perbelanjakan oleh negeri bagi tahun itu, dan melainkan jika pembentok undang2 bersetuju di-dalam undang2, kenyataan itu hendaklah di-bentangkan sa-belum permulaan tahun itu.

(2) Anggaran2 perbelanjaan hendaklah menunjukkan berasingan:

(a) Jumlah wang yang di-kehendaki untuk menchukupi perbelanjaan yang di-kenakan bayaran-nya kepada kumpulan wang yang di-kehendaki untuk menchukupi perbelanjaan yang di-kenakan bayaran-nya kepada kumpulan wang yang di-satukan;

(b) Terta'alok kepada cherai-an (3), wang2 bagi menunaikan tajok2 perbelanjaan lain yang di-chadangkan hendak di-bayar dari kumpulan wang yang di-satukan.

(3) Jumlah2 yang hendak ditunjukkan di-bawah fasal (b) cherai-an (2) tiada boleh mengandungi:—

(a) Jumlah2 wang yang di-pinjam oleh negeri bagi haksud2 yang tertentu dan di-utokkan kerana maksud2 itu oleh undang2 yang membenarkan negeri meminjam wang itu;

(b) Jumlah2 wang atau bunga yang di-terima oleh negeri dan yang mesti di-gunakan mengikut syarat2 amanah itu.

(4) Kenyataan itu hendaklah juga menunjukkan sa-barang yang boleh, harta benda dan hutang negeri pada penghujung tahun kewangan yang lalu, chara bagaimana harta benda itu di-gunakan atau di-simpan dan tajok2 am berhubung dengan mana2 hutang yang belum di-jelaskan lagi.

61. Tajok2 perbelanjaan yang hendak di-jelaskan dari kumpulan (Lihat muka 5)

PERCHUBAAN BAHARU MENANAM PADI

BANDAR BRUNEI — Perchubaan menanam padi tugal pada satu kawasan yang tetap pada tiap2 musim telah di-selenggarakan oleh Pejabat Pertanian Brunei di-kawasan perchubaan tanaman di-Luahan, Jerudong.

Hasil perchubaan itu ada-lah di-katakan baik. Tanah telah di-siapkan dengan menggunakan jentera radu dan baja yang sesuai.

Pegawai Pertanian Brunei, Yang Berhormat Inche Hamidoon bin Awang Damit, berkata bahawa perchubaan itu telah di-jalankan tiga kali berturut2 pada satu tempat sahaja.

Dengan menggunakan radu dan baja petani2 tidak perlu berpindah pada masa akan datang.

Tanaman padi tugal sa-chara biasa ada-lah berpindah2 dan petani2 terpaksa menebas kayu yang berumur antara 6 dengan 8 tahun.

Chara ini ada-lah sangat merugikan negeri kerana pokok2 kayu yang di-tebang dan di-bakar itu terbuang sia-sia sahaja.

Sa-lain dari kerugian dari kayu itu hasil yang di-dapati dari penanaman padi tugal seperti yang biasa di-dapati itu kadang2 tidak menchukupi dan sa-timbal dengan penat jereh peladang.

Oleh sebab perchubaan yang di-jalankan di-Luahan itu sangat berjaya keputusan telah di-am-bil untuk menjemput penghulu2 dan ketua2 kampung menyaksikan hasil-nya.

Penghulu2 dan ketua2 dari Brunei dan Temburong akan datang ka-Luahan dalam minggu hadapan.

Untuk menyenangkan ketua2 dan penghulu2 dari Temburong, Pejabat Pertanian akan menghantar sa-buah outboard motobot ka-Temburong pada 7 February.

Motobot itu akan berlepas dari Temburong pada hari keesokan-nya dan akan di-sambut oleh sa-buah kereta di-tambatan Kastam, Brunei.

Kereta itu akan membawa pelawat2 itu ka-Luahan.



Yang Berhormat Inche Hamidoon bin Awang Damit, Pegawai Pertanian Negeri Brunei akan berlepas ka-Manila dalam minggu ini kerana menyaksikan perkembangan pertanian di-Negeri Filipina.

Beliau akan terbang ka-Manila dari Labuan dan akan singgah di-Hongkong dalam perjalanan ka-Manila.

Inche Hamidoon akan berada di-Filipina sa-lama tiga minggu dan akan melawat pusat2 pertanian di-negeri itu.

Menjelang tahun baharu harga barang2 naik

BANDAR BRUNEI — Tahun baharu China telah di-sambut dengan perayaan yang sederhana di-sini pada 28 January lepas.

Pejabat2 Kerajaan dan sharikat2 perniagaan dan kedai2 telah di-tutup.

Perayaan itu di-mulakan pada petang 27 January. Di-sana sini kedengaran kanak2 membakar merchun mengulukan kedatangan tahun baharu mereka.

Beberapa hari sa-belum hari tahun baharu itu, kedai2 telah

di-kunjongi oleh penduduk2 China negeri ini kerana membeli belah.

Mereka di-anggarkan telah membelanjakan lebih \$150,000 kerana persediaan2 menyambut tahun baharu.

Saperti yang sudah2 harga barang2 telah naik. Harga sayur2-an telah bertambah sa-hingga 60%.

Sa-bagai biasa satu rombongan murid2 sekolah telah melawat ka-kedai dan rumah2 untuk mempersembahkan tarian naga.

Kedatangan mereka telah di-sambut dengan bakaran merchun.

PETA KESELAMATAN JALAN RAYA UNTOK BASIKAL2 DI-BELAIT

KUALA BELAIT. — Peta yang bersinar pada malam hari telah di-pesan oleh Majlis Keselamatan Jalan Daerah Belait untok di-pasang pada basikal2.

Ini ada-lah satu langkah besar majlis itu hendak mengurangkan kemalangan jalan raya di-daerah ini.

Bandmaster baharu

BANDAR BRUNEI — Tuan R.E. House, Bandmaster Pancharagam Polis Brunei semenjak pancharagam itu di-tubuhkan telah berlepas dari Brunei ka-United Kingdom baharu2 ini kerana berchuti.

Jawatan beliau sekarang di-pangku oleh Tuan A. W. Croft, bekas pengarah Pancharagam Polis Persekutuan Tanah Melayu.

GALAKAN KAPADA WANITA MELAYU

BANDAR BRUNEI. — Galakan bagi gadis2 tempatan yang beragama Islam menuntut ilmu perkhidmatan rumah sakit telah di-beri oleh Majlis Meshuarat Ugama, Adat Istiadat dan Mahkamah Kadhi Negeri Brunei.

Keraguan ibu bapa membe-narkan anak2 gadis mereka menjadi jururawat telah di-binchang-kan bersama oleh ahli2 majlis2 tersebut.

Dalam satu siaran Majlis Meshuarat Shariah Brunei berkata:

Pada masa ini kebanyakan kanak2 perempuan tempatan yang beragama Islam nampak-nya segan dan ragu2 untok menuntut ilmu perkhidmatan rumah sakit dan kedokteran.

Ibu bapa mereka barangkali berpendapat atau memikirkan perkara itu ada-lah bertentangan dengan fatua ugama.

Perkara ini telah pun di-meshuaratkan dan majlis2 berpendapat bahawa anak2 perempuan menuntut ilmu perkhidmatan rumah sakit dan kedokteran tidaklah mendatangkan salah dalam segi ugama.

Malahan majlis berfikir ada-lah sangat berguna dan berharga kepada kerajaan, ra'ayat dan Negeri Brunei jika gadis2 itu menuntut ilmu perkhidmatan rumah sakit yang akan memberi bantuan kepada kaum2 wanita tempatan yang sakit kelak.

BALEK DARI BERCHUTI

BANDAR BRUNEI — Tuan P.C. Devaraj, Penolong Pengelola Lalu Lintas Udara, Brunei telah balek dari berchuti panjang dalam minggu lepas.

PERLEMBAGAAN SA-PENOH-NYA

(Dari muka 4)

wang yang di-satukan tetapi tidak di-kenakan ka-atas-nya, sa-lain dari perbelanjaan yang akan di-jelaskan oleh jumlah yang di-sebutkan dalam cheraian (3) bab 60, hendak-lah di-masokkan da-dalam satu rang undang2 yang di-kenali sa-bagai rang undang2 perbekalan tahunan yang memberi kuasa supaya boleh wang2 yang tersebut itu di-perbelanjakan bagi penggunaan yang di-sebutkan dalam rang undang2 itu.

62. Jika berhubung dengan mana2 tahun kewangan, maka di-dapati:—

(a) Bahawa jumlah yang di-tentukan oleh undang2 perbekalan tahunan bagi sa-barang maksud ada-lah tidak menchukupi atau bahawa satu kehendak telah timbul bagi perbelanjaan kerana satu maksud yang bagi-nya tiada wang telah di-untokkan oleh undang2 perbekalan tahunan itu;

(b) Bahawa wang telah di-belanjakan kerana satu2 maksud lebih dari jumlah (jika ada) yang di-untokkan bagi maksud itu oleh undang2 perbekalan tahunan.

Maka satu anggaran tambahan yang menunjokkan jumlah2 yang di-kehendaki atau yang telah di-belanjakan hendak-lah di-sebabkan oleh Sultan dalam majlis meshuarat supaya di-bentangkan di-hadapan Majlis Meshuarat Negeri dan

NEGERI BRUNEI

tajok2 bagi perbelanjaan tersebut hendak-lah di-masokkan ka-dalam satu rang undang2 perbekalan tahunan.

63. Pembentok undang2 ada-lah mempunyai kuasa berhubung dengan mana2 tahun kewangan:—

(a) Sa-belum di-luluskan rang undang2 perbekalan, membenarkan dengan undang2 perbelanjaan bagi bahagian tahun itu;

(b) Membenarkan dengan undang2 perbelanjaan bagi kesemua atau sa-bahagian tahun itu sa-lain dari mengikut bab 59 hingga 62, jika oleh kerana perbelanjaan itu besar atau belum tentu keadaan-nya atau di-kehendaki dengan segera-nya, maka pada fikiran Majlis Meshuarat Negeri di-kehendaki berbuat demikian.

64. (1) Pembentok undang2 boleh dengan undang2 mengadakan satu kumpulan wang yang bernama "Fund Gegasan" dan membenarkan Menteri Besar meminjamkan wang daripada fund itu jika dia puas hati bahawa wang itu di-kehendaki dengan segera dan dengan tiada di-sangkai kerana menjelaskan perbelanjaan yang tiada di-untokkan dalam undang2 perbekalan.

(2) Jika pinjaman telah di-beri menurut cheraian (1), maka hendak-lah anggaran tambahan di-adakan dan rang undang2 perbekalan tambahan di-kemukakan sa-bagai segera yang boleh kerana mengganti wang yang di-pinjamkan itu.

(Bersambung)

Perempuan2 Melayu bergerak dalam masharakat

BANDAR BRUNEI — Di-dalam masharakat sa-suatu bangsa, di-samping kaum laki2, kaum wanita juga mempunyai beberapa kewajipan dan hak2 untuk membena masharakat bangsa.

Kaum wanita kita harus tampil ka-hadapan menunaikan kewajipan2-nya sa-laras dengan menuntut hak2-nya.

Suara menyeru dari sa-genap pelusok dan suara hendak tampil ka-hadapan berbimbing tangan dengan kaum laki2 dalam mencapai kemajuan telah kedengaran dari pehak kaum wanita yang terpelajar.

Kaum wanita tidak sa-harus-nya tinggal di-rumah untuk perhiasan sahaja tetapi hendaklah ka-tengah2 masharakat seperti yang telah di-serukan oleh wanita2 Barat satu dua abad yang lampau.

Kaum wanita mempunyai beberapa tanggungan di-dalam masharakat. Tidak-lah adil kiranya tanggungan2 itu hanya di-bebankan kepada satu pehak dan hak2 itu dapat oleh pehak laki2 sahaja.

Kaum wanita hendaklah diberi tempat di-dalam masharakat sa-bagaimana juga kaum laki2 memikul tanggungan2 yang berasingan2 itu, ia-itu kaum laki2 lebih banyak kewajipan di-luar rumah manakala kaum wanita pula lebih banyak tanggungan-nya di-dalam rumah.

Tetapi ini tidak-lah bererti bahawa kaum wanita itu di-kurung. Mereka harus juga di-beri hak bergaul menurut batasan agama.

Dengan ada-nya kaum wanita

NABI DI-AKUI TIDAK PERNAH BERDUSTA SA-KALI PUN

(Dari muka 3)

Ini ia-lah kerana mereka itu telah berpuluh2 tahun bergaul dengan Muhammad dan dalam sekian lama beliau tidak pernah berdusta walau sa-kali pun.

Peristiwa isra' dan mi'raj itu tidak patut di-anggap mustahil menurut pertimbangan akal, malahan wajib di-benarkan kerana ia di-umumkan oleh Rasulullah sendiri.

Orang2 yang waswas imannya, tergesa2 menolak kebenaran Nabi ada-lah menjauhkan diri dari gulungan orang mu'min.

Sa-lain dari itu isra' dan mi'raj dapat di-pandang sa-bagai hiburan yang mesra atas malapetaka yang menimpa Nabi dan sa-bagai bekal baharu untuk meneguhkan hati pengikut2 Nabi menghadapi perjuangan yang makin meningkat.

Untuk perjuangan di-masa itu isra' dan mi'raj menjadi batu ujian menilai iman kaum Muslimin sa-hingga terpisah-lah penganut iman yang murni dari mereka dan ragu2.

Melayu di-beri kebebasan yang sa-laras dengan tugas masing2, mereka akan dapat dudok sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan wanita2 bangsa lain.

Kaum wanita bangsa Barat telah mendapat kejayaan yang

hampir2 sama dengan kaum laki2 dalam berbagai2 lapangan kemajuan. Kejayaan mereka itu harus-lah di-jadikan tuladan oleh kaum wanita Melayu.

Tetapi bagi kita bangsa Melayu yang sedang bergerak hendak mencapai kemajuan itu kita harus berhati2 dalam pergaulan.

Kebudayaan timor dan kesopanan agama hendaklah di-pelihara dengan sa-baik2-nya dalam pergerakan2 kita hendak mencapai kemajuan. (Mala Mas).

KEBAHAGIAN RUMAH TANGGA BERGANTONG PADA WANITA

BANDAR BRUNEI — Keindahan rumah tangga sa-suatu keluarga itu ada-lah terletak di-atas usaha kaum wanita terutama wanita2 yang maseh gadis dan remaja.

Satengah2 wanita itu pada masa ini berpendapat bahawa masanya telah sampai bagi mereka keluar berjuang berganding bahu dengan kaum laki2 dalam lapangan pelajaran, politik dan lain2-nya.

Kaum wanita memang boleh berjuang sa-bagaimana juga kaum laki2 tetapi medan perjuangan-nya bukan-lah hanya bergenchah dalam politik seperti hendak satengah2 orang zaman ini.

Berjuang bagi kaum wanita bukan-nya meninggalkan kewajipan rumah tangga kerana perjuangan rumah tangga itu ada-lah satu dari perjuang2 yang mesti di-selesaikan oleh kaum wanita sendiri.

Tetapi dalam usaha hendak mencapai kemajuan kaum wanita hendaklah juga berjuang dengan kaum laki2 dalam berbagai2 lapangan seperti pelajaran dan perusahaan.

Wanita yang faham lebih jauh pengertainya dalam soal perjuangan, tidak-lah mereka ter-mesti berjuang dalam gelanggang politik sahaja. Mereka terlebih dahulu mengutamakan perjuangan rumah tangga sendiri.

Wanita2 yang seperti ini mengetahui bahawa perjuangan memimpin masharakat akan mendapat kejayaan hanya setelah menjalankan kewajipan2 rumah tangga supaya krisis dalam rumah tangga tidak akan terjadi.

Kewajipan2 wanita di-rumah bukan-nya terhad kepada memasak, mencuci kain baju, menghias rumah dan mendidik anak2 sahaja. Mereka itu juga dikehendaki membantu suami-nya dalam segala lapangan.

Anak2 mesti-lah di-didik serta di-tanamkan keperchayaan dalam soal agama untuk membentok akhlak anak2 itu nanti.

Dalam pada itu kaum wanita juga mempunyai kewajipan memperhatikan dengan waspada kebebasan anak2 supaya mereka itu tidak terjerumus ka-dalam masharakat yang tidak di-ingini yang mungkin menimbulkan krisis moral kelak. (M. Samsinah)

Kesihatan mustahak untuk kehidupan

BANDAR BRUNEI — Dalam kehidupan sa-tiap hari sa-sorang itu sangat perlu pada kesihatan untuk mencapai kehidupan yang lebih sempurna.

Kesihatan ada-lah sangat di-kehendaki juga untuk mengeluarkan buah fikiran yang sehat.

Hanya badan yang sehat sahaja yang boleh melahirkan fikiran yang waras.

Jikalau badan tidak sehat apa jua kerja yang kita buat tidak akan mendatangkan hasil yang memuaskan.

Kesihatan ada-lah punca bagi kemajuan dalam serba serbi-nya.

Kesihatan kanak2 sangat perlu di-jaga supaya mereka itu chergas dan bersungguh2 belajar di-sekolah. (AAA)

PEMENANG2 SAGU HATI

BANDAR BRUNEI — Murid2 yang berikut telah mendapat hadiah sagu hati dalam sharahan dan peraduan membaca Koran yang di-adakan di-dewan SOAS College kerana menyambut isra' dan mi'raj:

Sarahan (laki2): Ali bin Yusof, Muslim Burmat dan Umar bin Haji Serudin; (perempuan), Norsham binti Ahmad, Shara binti Ahmad dan Manih binti Jamal.

Bachan Koran (laki2): Shari bin Awang Husain, Md. Kassim bin Abu Bakar dan Wasli bin Haji Abu Bakar, (perempuan) Noriah binti Abbas.



Kaum wanita dan kanak2 perempuan telah turut hadir dalam majlis sambutan isra' dan mi'raj yang di-adakan oleh gabungan penuntut2 Islam sekolah2 Melayu dan Inggeris Brunei di-dewan SOAS College baharu2 ini.

KEPUTUSAN PERTANDINGAN2 P.W.D.—MACHINDA

BANDAR BRUNEI. — Satu rombongan yang terdiri dari pemain2 bola sepak, hockey dan badminton telah melawat ka-Brunei sa-lama dua hari kerana mengadakan pertandingan dalam masa chuti tahun baharu China.

Rombongan dari Machinda Club, Lutong itu telah bermain sa-chara persahabatan dengan pasukan2 P.W.D. Workshop di-sini.

Pelawat dari Lutong telah seri dalam perlawanan bola sepak dan telah kalah dalam perlawanan hockey dan badminton.

Dalam perlawanan bola sepak pasukan Lutong telah bermain dengan menghantar bola dari jarak dekat dan telah beberapa kali mengelirukan lawan-nya.

Kekalahan mereka ada-lah disebabkan oleh forward2 pasukan itu kurang chekap menendang bola di-hadapan kubu pasukan Workshop.

Gol pertama dalam pertandingan itu telah di-dapati melalui Sabtu, forward tengah Workshop yang telah berjaya menyumbatkan bola hantaran daripada Radin.

PERLAWANAN BADMINTON

Dalam pertengahan akhir permainan ada-lah sama berat-nya tetapi sa-jurus sa-belum permainan di-tamatkan Sujong dari pasukan Machinda telah berjaya menyumbatkan bola ka-dalam gol Workshop.

Dalam perlawanan badminton pula Machinda Club telah kalah 4 game di-gymnasium SOAS College.

Pasukan Workshop telah me-

PENUNTUT KALAHKAN PASOKAN GURU

BANDAR BRUNEI. — Pasokan bola sepak SOAS College di-sini telah menang 4 gol berbalas 3 dalam perlawanan-nya yang pertama pada hari Ahad lepas.

Perlawanan yang di-adakan di-padang sekolah itu ia-lah menentang pasukan yang terdiri dari guru2 sekolah tersebut.

Pemain2 pasukan SOAS telah bermain dengan baik sungguh pun mereka telah kalah 3 gol tidak berbalas dalam pertengahan pertama.

Pasokan SOAS itu telah dilatih oleh jurulatih bola sepak SOAS College Inche Ismail, sa-orang guru.

SOAS telah bermain dengan lebih baik lagi apabila pertengahan akhir di-mulakan dan telah berjaya menjaringkan 4 gol.

Gol2 itu telah di-jaringkan oleh Puasa (2), Aziz (1) dan Abdullah (1).

Gol2 yang di-dapati oleh pasukan guru2 telah di-jaringkan oleh Marmuji (2) dan Nathan (1).

nantang semua permainan single dan satu permainan double. Machinda hanya menang dalam satu perlawanan double.

Lawatan itu telah di-langsungkan dengan satu perlawanan hockey yang berakhir dengan Workshop mendapat 7 gol berbalas 2.

PERTANDINGAN HOCKEY

Pasokan Machinda telah menancham kubu Workshop sa-baik sahaja permainan di-mulakan tetapi mereka tidak berjaya menembuskan pertahanan Work-

shop terutama-nya Thomas yang telah bermain dengan baik machinda.

Gol pertama telah di-dapati oleh Workshop melalui sayap kiri, Radin.

Tidak lama kemudian Hama-zah telah membalas bagi pasukan Machinda, dan sa-jurus sa-lepas itu Machinda telah ka-atas dentang gerakan2 forward Mangang satu gol lagi daripada sayap kiri-nya Bujang Peti.

Sa-masa berehat Machinda telah mendapat 2 gol, Workshop 1 gol.

Dalam pertengahan akhir pasukan Machinda tidak bermair, seperti yang di-jangkakan dan Workshop pula telah bermain dengan lebih handal dan telah berjaya menyumbatkan 6 gol lagi.

Gol2 itu di-dapati oleh Sharbini (4) dan Nathan, forward tengah (2).

K.B.R.C. KA-ATAS DALAM LEAGUE MEREButKAN PIALA HIGGINS

KUALA BELAIT. — Johan tahun lepas, Kuala Belait Recreation Club, telah naik ka-atas dalam senarai pasukan2 league bahagian pertama berikutan dengan kemenangan-nya menentang pasukan2 bola sepak SRC/Panaga Kadazan baharu2.

Pertandingan2 itu ia-lah kerana merebutkan piala Higgins.

Sa-lain dari mendapat mata kerana kemenangan2 tersebut KBRC telah juga di-beri kemenangan dalam permainan dengan Malay Club yang di-adakan tidak berapa lama sa-telah pertandingan2 kerana kejohanan itu di-adakan dalam musim ini.

Keputusan atas kemenangan dalam perlawanan itu telah ditanggohkan berikutan dengan satu bantahan bahawa Malay Club telah menggunakan pemain2 yang tidak berhak mengambil bahagian.

Baharu2 ini bantahan itu telah di-benarkan dan kemenangan di-

berikan kepada KBRC. Ini bermakna KBRC mendapat dua mata lagi.

BRUNEI TEWASKAN PASOKAN BOLA SEPAK DARI KUCHING

SERIA. — Pasokan bola sepak Brunei State Amateur Football Association telah mengalahkan satu pasukan dari Kuching yang telah datang bermain di-padang S.R.C. di-sini dalam minggu lepas.

Kemenangan Brunei 3 gol berbalas 1 itu ia-lah hasil dari permainan saling mengerti antara ahli2-nya terutama-nya antara Mos dan Marcus.

Tetapi kejayaan Brunei itu tidak-lah dapat di-ertikan sa-bagai satu permainan yang lebih chekap dari pasukan Kuching.

Kuching telah bermain lebih baik dan bola sering di-dapati di-hadapan pintu gol pasukan Brunei.

Kekalahan Kuching itu ia-lah akibat kekechewaan menentang bola di-hadapan pintu gol. Forward2 Kuching telah di-ganggu oleh Mos dari SRC/Panaga dan Johnny Marcus dari Brunei.

Sungguh pun permainan menanjokkan bahawa Kuching adalah satu pasukan yang lebih baik tetapi Brunei telah berjaya mendapat gol yang pertama 20 minit sa-telah permainan di-mulakan.

Gol itu telah di-dapati melalui Roberts.

Kuching telah bermain dengan lebih kuat lagi sa-telah menerima pukulan dari Brunei tetapi mereka tidak berjaya.

Pada akhir pertengahan pertama Kuching kalah 1 gol.

Gol pembalas kekalahan itu telah di-dapati oleh Kuching 20 minit dalam pertengahan akhir. Gol itu ia-lah hasil dari tenda-

**Penubohan
badan
pengurus
cricket**

BANDAR BRUNEI. — Satu badan untuk menguruskan permainan cricket di-Bandar Brunei telah ditubuhkan dalam satu mesuarat yang di-adakan di-Brunei Sports Club di-sini dalam minggu lepas.

Badan itu belum di-beri nama rasmi. Sama ada ia akan bergerak di-bawah naungan Brunei Sports Club atau bersendirian belum lagi di-tetapkan.

Mesuarat itu telah di-pengerusikan oleh Tuan M.L. Johnson dan telah di-hadiri oleh beberapa orang peminat2 cricket di-Bandar Brunei.

Badan yang akan menguruskan permainan cricket di-Bandar Brunei dalam tahun ini terdiri dari:

Pengerusi, Tuan M. L. Johnson; Setiausaha, Tuan Subramaniam; Bendahari, Tuan C. R. Joynt, Captain, Tuan C.R. Joynt dan Naib Captain, Inche Mahyuddin.

Brunei seri di-Jesselton

BANDAR BRUNEI. — Satu rombongan basketball Brunei yang telah melawat ka-Jesselton baharu2 ini telah balek ka Brunei mendapat satu kemenangan dan satu kekalahan.

Rombongan yang mengandungi 14 orang itu telah mengadakan perlawanan2 itu sa-bagai pasukan dari Persatuan Murid Tua Sekolah2 China Brunei.

Perlawanan pertama ia-lah dengan pasukan Gabungan Sekolah2 China Jesselton dan pertandingan yang di-adakan di-dewan Civic Centre Jesselton telah berakhir dengan pasukan Brunei mendapat kemenangan 70 mata berbalas 48 mata.

Dalam perlawanan yang kedua dengan pasukan Jesselton Amateur Basketball Association pasukan Brunei telah kalah hanya 2 mata — 41 berbalas 43.

ngan penalti sa-telah Johari dari pasukan Brunei di-salahkan kerana bermain kasar.

Dalam pertengahan akhir Brunei telah mendapat dua gol lagi melalui Kassim dan Augustine Jiew.

Permainan pada petang itu ada-lah di-rosakkan oleh beberapa kekasaran dari pemain2. James Janting dari Kuching telah di-beri amaran dua kali kerana kekasaran.

Perlawanan itu telah di-adilkan oleh Tuan Fisher.

Bakal johan league 2 ?

KUALA BELAIT. — Dalam league bola sepak bahagian kedua pasukan PWD Kuala Belait adalah ka-atas sa-kali dalam senarai pasukan2 dengan 14 mata dari 7 perlawanan.

Pasokan kedua ia-lah Dayak Club yang telah mendapat 10 mata dari 6 perlawanan.

Sa-hingga ini pasukan PWD itu telah mendapat 48 gol berbalas 6.

Persekutuan umumkan bantuan dari New Zealand

KUALA LUMPUR. — Perdana Menteri, Tengku Abdul Rahman telah pulang dari kunjungan muhibbah-nya ka-New Zealand pada hari Sabtu lepas, dengan membawa berita bahawa Kerajaan New Zealand telah memberi hadiah sa-banyak \$1 juta kepada Persekutuan.

Tengku Abdul Rahman yang mengunjongi New Zealand selama tiga minggu telah mendapat berita kawat daripada Perdana Menteri New Zealand, Tuan Walter Nash, dalam masa penerbangan-nya pulang ka-tanah ayer.

Hadiah itu akan di-gunakan untuk :

- ◆ Mendirikan sa-buah pusat melateh pegawai2 Kerajaan dan
- ◆ Membiayai dua ranchangan kemajuan tanah.

Tengku telah mengejutkan orang yang ramai menunggu untuk menyambut-nya di-lapangan udara, bila beliau mengalu2 kan Timbalan Perdana Menteri, Tun Abdul Razak bin Hussein, sa-chara adat Maori.

Dengan memegang bahu Tun Razak, Tengku Abdul Rahman telah mengesalkan hidong-nya dengan hidong Tun Razak.

Sa-telah itu Tengku pun berte-riak kepada pembesar2 yang menunggu-nya itu :

"Lihat saya berlaga hidong dengan Razak !"

Dalam satu persidangan akhbar di-ruangan khas lapangan udara itu, Tengku menghuraikan lebih lanjut kenyataan yang di-buat-nya di-New Zealand tentang dharurat.

"Perkara yang penting" katanya "ia-lah untuk memileh waktu yang sesuai mengishtiharkan berakhir-nya dharurat.

"Saya ingin mengakhiri dharurat esok juga, tetapi kita tidak boleh buat begitu."

Ini-lah kawat yang di-terima Tengku daripada Tuan Nash ketika beliau sedang dalam perjalanan pulang dengan kapal terbang ka-Kuala Lumpur.

Kongres bahasa desak chara2 baharu dalam bahasa Melayu

SINGAPURA. — Lembaga Tetap Sa-Malaya dari kongres bahasa dan persuratan Melayu telah memutuskan untuk meminta Kerajaan Singapura supaya menggunakan dengan serta merta chara2 penyebutan baharu perkataan Melayu yang mengikut bunyi di-segala peringkat pemerintahan-nya.

Lembaga tetap ini ia-lah badan yang tinggi sa-kali di-Singapura dan di-Persekutuan Tanah Melayu berkenaan dengan segala hal yang berkaitan dengan bahasa Melayu dan mempunyai badan2 penasihat di-kedua2 buah kerajaan tersebut.

Ia-nya mewakili 51 buah pertubohan2 bahasa dan kebudayaan Melayu di-Malaya, Singapura dan Brunei.

Setiausaha Agong Lembaga, Inche Ramli Abdul Hadi, berkata bahawa Lembaga itu akan menghantar satu memorandum atas perkara ini kepada Kerajaan Singapura pada minggu hadapan.

"Kunjongan tuan sangat berharga untuk New Zealand. Berharga dalam banyak hal. Terima kasih kerana ucapan tuan yang mesera dan berbudi sekali itu ketika meninggalkan kami yang tuan kirimkan daripada kapal terbang tuan.

"Kami di-New Zealand merasa sukachita bahawa tuan merasa senang sekali mengunjongi tanah ayer kami.

"Saya sukachita memberi tahu-kan tuan bahawa persetujuan telah di-dapati sekarang untuk New Zealand memberi sumbangan kepada ranchangan2 yang tuan bicharakan dengan saya — pusat latehan pegawai2 kerajaan dan ranchangan2 kemajuan tanah.

"Bantuan sa-jumlah £50,000 telah di-untokkan kepada pusat latehan pegawai2 kerajaan dan £60,000 untuk dua ranchangan kemajuan tanah. Barangkali tuan ingin mengumumkan-nya sa-kembali-nya tuan ka-tanah ayer".

Memorandum tersebut akan mendesak penggunaan dengan serta merta chara2 mengikut bunyi ini di-sekolah2, pemancar2 radio dan pejabat2 penerangan.

Kata-nya, "Kerajaan mesti-lah memberi tuladan kepada lain2 pertubohan2 dan orang2 persorangan supaya menerima kegunaan chara2 penyebutan baharu ini."

DUTA TEGASKAN PERSAHABATAN PERSEKUTUAN — INDONESIA

KUALA LUMPUR. — Duta Malaya di-Indonesia, Inche Senu bin Abdul Rahman berkata bahawa tiada perselisihan mengenai persahabatan di-antara kedua2 buah negeri itu, di-sebabkan oleh perkara 30 orang pemberontak yang telah di-tahan di-Pulau Pinang.

Inche Senu telah bertolak dengan kapalterbang ka-Jakarta sa-lepas berunding di-Kuala Lumpur dengan kerajaan-nya.

Beliau memberi tahu pemberita2 akhbar di-lapangan terbang : Tiada perselisihan mengenai persahabatan di-antara Indonesia dengan Malaya, di-sebabkan oleh peristiwa Pulau Pinang.

Orang2 tidak sedar betapa rapat-nya perhubungan persahabatan di-antara Malayan dengan Indonesia."

Inche Senu berkata bahawa rundingan2 atas penyatuan bahasa kedua2 negeri itu sedang di-jalankan dengan tiada apa2 gangguan.

Beliau berkata bahawa ia berharap surat2 pengesahan atas perjanjian2 persahabatan di-an-

GERAKAN MENCHARI KAPAL TERBANG

KUALA LUMPUR. — Sa-buah kapalterbang ringan yang di-pandu oleh sa-orang pegawai yang tidak bertuliah dan membawa sa-orang penumpang ada-lah di-beritakan telah hilang di-selatan Malaya.

Sa-orang juruchakap Angkatan Udara Diraja berkata bahawa kerja menchari kapalterbang itu sedang di-jalankan oleh kapalterbang2 Angkatan Udara Diraja, Polis dan tentera di-kawasa Gemas, sempadan Negeri Sembilan dengan Johor.

Kawasan itu di-liputi oleh hutan tebal dengan di-selangi oleh ladang2 getah dan kelapa bali.

Rayuan2 telah di-buat kepada penduduk2 kawasan itu supaya memberi tahu Polis sa-kira-nya mereka ada ternampak kapalterbang tersebut.

Kapalterbang itu telah hilang semenjak malam 20 January.

Latehan laut Commonwealth

SINGAPURA. — Satu latehan besar bagi Angkatan2 Laut negeri2 Commonwealth di-Timor Jauh akan di-adakan dalam bulan ini.

Angkatan2 laut itu akan menggunakan lawatan antara Karachi, Pakistan dengan Singapura.

RANCHANGAN BANTUAN KAPADA PENANAM2 PADI DAN NELAYAN

KUALA LUMPUR. — Ranchangan2 yang akan memakan belanja sa-banyak \$31,000,000 bagi faedah penanam2 padi dan nelayan2 telah di-umumkan oleh Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dalam bulan lepas.

Manager Apex Bank di-Persekutuan Tanah Melayu, Inche Ahmad Tajuddin berkata di-Pulau Pinang bahawa satu kilang baja urea yang di-taksirkan berharga \$30,000,000 akan di-dirikan di-sana.

Kilang ini mungkin mulai berjalan dalam pertengahan tahun 1960.

Petani2 Malaya nanti akan dapat membeli baja2 ini dengan harga yang lebih murah dari sekarang.

Menteri Pertanian, Inche Aziz bin Ishak, menyatakan bahawa tiga buah kilang ayer batu akan di-dirikan di-pantai timor.

Kilang2 ini akan menguatkan kedudukan sharikat2 kerjasama nelayan2 dan akan mengurangkan keuntungan2 orang tengah.

tara kedua2 buah negeri itu akan di-pertukarkan dalam bulan yang akan datang.

Membasmi buta huruf

JAKARTA. — President Sukarno telah memberitahu Timbalan Menteri Pelajaran, Doktor Prijono, bahawa usaha membanteras buta-huruf mesti-lah berjaya di-Indonesia dalam tahun 1964.

Surat2 khabar telah memberitakan bahawa persatuan2 penuntut2 dan wanita2 akan menubuhkan badan2 kerja untuk gerakan2 belajar, dan papan2 bacaan untuk orang ramai akan di-adakan di-tiap2 kampung.

Berita kebangsaan dan dunia akan di-tampalkan pada papan2 bacaan ini di-tiap2 hari.